

**Cambridge IGCSE™**CANDIDATE
NAMECENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--

MALAY**0546/22**

Paper 2 Reading

May/June 2025**1 hour**

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

INSTRUCTIONS







- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A–F) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) Nita pergi ke sekolah dengan bas.

[1]

(b) Nita beratur di dewan sekolah.

[1]

(c) Nita bersenam di padang sekolah.

[1]

(d) Nita menulis karangan di dalam kelas.

[1]

(e) Nita makan di kantin bersama kawannya.

[1]

[Jumlah: 5]





2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di Taman Haiwan

**Taman
Burung**

A

Tempat Berkelah

B

Pejabat Am

C

**Persembahan
Haiwan**

D

**Kedai
Cenderamata**

E

Stesen Trem

F

**Kaunter
tiket**

G

Sudut Foto

H

Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

(a) Amri menaiki kereta api kecil di sini dengan adiknya.

[1]

(b) Amri menonton orang utan dan singa laut di atas pentas.

[1]

(c) Amri makan bekalan makanan yang dibawa ibunya di sini.

[1]

(d) Amri mengambil gambar sebagai kenangan bersama keluarganya.

[1]

(e) Amri membeli permainan sebagai hadiah untuk kawannya.

[1]

[Jumlah: 5]





- 3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

Hai Prem,

Apa rancangan awak pada hujung minggu ini? Sepupu saya dari Sarawak, Kenny, akan datang ke rumah kami. Jika awak lapang, saya ingin mengajak awak untuk bermain badminton di dewan serba guna Taman Melati. Kakak saya akan bermain futsal dengan kawan baiknya di sana. Kami telah membuat tempahan untuk menggunakan dewan dari pukul 5 petang hingga 7 malam pada hari Sabtu.

Selepas bermain, kami bercadang untuk keluar makan di medan selera. Ada pelbagai makanan seperti nasi ayam, rojak dan mi kari. Tetapi saya mahu makan sate di gerai Pak Dolah. Pastikan awak bawa pakaian ganti kerana kita pasti berpeluh selepas bermain badminton!

Kenny akan tinggal bersama kami selama tiga hari sebelum dia mengikuti kursus di universiti di Shah Alam. Saya pasti awak akan menyukai Kenny kerana dia sangat peramah dan kelakar.

Balas e-mel saya, ya!

Sammy

- (a) Dari manakah asal Kenny?

A Taman Melati

☐

B Sarawak

☐

C Shah Alam

☐

[1]

- (b) Apakah aktiviti Sammy di dewan serba guna?

A badminton

☐

B futsal

☐

C menari

☐

[1]





(c) Pada jam berapakah mereka akan mula bermain?

A lima petang

☐

B enam petang

☐

C tujuh malam

☐

[1]

(d) Makanan apakah yang Pak Dolah jual?

A nasi ayam

☐

B sate

☐

C mi kari

☐

[1]

(e) Sammy berpesan kepada Prem untuk membawa ...

A raket.

☐

B kasut.

☐

C baju.

☐

[1]

(f) Apakah yang Kenny buat di Shah Alam?

A bekerja

☐

B belajar

☐

C berniaga

☐

[1]

(g) Apakah salah satu sifat Kenny?

A suka berkawan

☐

B aktif

☐

C pemalu

☐

[1]





- 4 Baca laporan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Lawatan ke Kilang Batik

Pada 23 Mac tahun ini, seramai 30 orang ahli Persatuan Seni Kraf dan tiga orang guru telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kilang Batik Saujana di Klang, Selangor. Objektif lawatan ini adalah untuk mempelajari tentang pembuatan produk batik.

Setibanya di sana, kami diberi penerangan oleh pegawai perhubungan tentang kilang itu. Kami menonton video yang menunjukkan langkah-langkah membuat batik, dari peringkat penyediaan fabrik hingga ke proses akhir, iaitu pengeringan warna. Kilang ini mengeluarkan dua jenis produk batik; batik tulis dan batik blok.

Kami dibawa ke bahagian pembuatan batik tulis. Di sini kami lihat para pelukis melukis corak batik menggunakan bekas kecil yang dipanggil canting. Corak yang dilukis dengan tangan ini mempunyai motif tumbuhan dan geometri.

Tempat seterusnya ialah bahagian penghasilan batik blok. Kami melihat pekerja menggunakan acuan besi yang berukiran corak alam semula jadi. Acuan besi ini menghasilkan batik yang lebih halus dan kemas berbanding kaedah mencanting. Ini sesuai untuk pengeluaran produk yang lebih banyak.

Selepas melawat bahagian membuat batik, kami diberi peluang untuk mencuba melukis batik sendiri. Beberapa pelukis batik dari kilang ini telah ditugaskan untuk membantu dalam aktiviti ini. Kami berasa sangat seronok kerana ini ialah satu aktiviti yang tidak pernah kami buat sebelum ini.

Sebelum meninggalkan kilang, kami dibawa ke galeri batik yang mempamerkan produk batik keluaran kilang tersebut. Di sini pengunjung juga boleh membeli produk batik seperti kain sarung, beg, baju dan sebagainya dengan harga yang berpatutan.

- (a) Berapakah bilangan pelajar yang menyertai lawatan ke kilang batik?

..... [1]

- (b) Mengapakah ahli-ahli Persatuan Seni Kraf melawat kilang itu?

..... [1]

- (c) Apakah tugas pegawai perhubungan kilang?

..... [1]

- (d) Apakah langkah pertama pembuatan batik?

..... [1]

- (e) Bagaimanakah corak batik tulis dihasilkan?

..... [1]





(f) Corak apakah yang diukir pada acuan besi untuk batik blok?

..... [1]

(g) Apakah kelebihan batik blok berbanding batik tulis? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(h) Apakah aktiviti yang disediakan oleh pihak kilang untuk para pelajar?

..... [1]

(i) Bagaimanakah para pelajar itu dibimbing untuk membuat aktiviti ini?

..... [1]

(j) Mengapakah mereka berasa teruja selepas melakukan aktiviti ini?

..... [1]

(k) Di manakah para pelawat boleh berbelanja di kilang ini?

..... [1]

[Jumlah: 12]





5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Di mana mereka boleh menyambung pelajaran?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

Peluang Belajar

a



Hanan ingin melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Dia perlu menguasai bahasa Arab supaya dapat lulus ujian kelayakan pada bulan depan untuk diterima belajar di sana.

.....

b



Azrul ingin membantu memperkembangkan perniagaan bapanya dengan membuat promosi secara dalam talian. Dia mahu belajar kemahiran dan cara-cara berkesan untuk memajukan perniagaan dalam talian.

.....

c



Jia Wei ialah seorang sukarelawan yang membantu kanak-kanak kurang upaya pendengaran. Dia mengajar mereka bahasa Inggeris dan kemahiran komputer. Dia ingin berkomunikasi dengan lebih baik dengan mereka.

.....

d



Audrey bekerja tetap sebagai seorang pembantu kedai. Dia ialah seorang yang kreatif dan suka membuat kraftangan. Dia mahu mengikuti kelas jahitan pakaian secara separuh masa.

.....

e



Parvitha baru tamat sekolah dan ingin belajar sambil bekerja. Cita-citanya ialah menjadi seorang cef. Dia ingin mendalami ilmu membuat pastri dan kek serta masakan barat seperti masakan dari Itali dan Perancis.

.....



1

Anda ingin menyelamatkan nyawa? Akademi Anggerik menyediakan kursus dalam talian untuk mengajar anda cara menggunakan CPR, AED dan pertolongan cemas untuk meningkatkan kadar kelangsungan nyawa. Sijil pengiktirafan akan diberikan kepada mereka yang lulus ujian selepas tamat kursus.

2

Anda mahu tahu tip-tip pemasaran terkini? Mahu perniagaan anda selaras dengan perkembangan digital? Institut Perniagaan Tanjung menawarkan bengkel e-usahawan bagi anda yang berminat untuk memasarkan produk anda secara kreatif di platform e-dagang. Terbuka kepada semua.

3

Pusat Bahasa Indah menawarkan pelbagai kursus bahasa antarabangsa kepada semua lapisan umur. Kami juga ada kursus intensif dengan yuran yang berpatutan selama 2 minggu untuk bahasa-bahasa pilihan.

4

Anda mencari peluang untuk belajar kemahiran seperti kerja kayu, seni reka fesyen dan solekan? Kolej Kemahiran Mawar menawarkan pelbagai kursus kemahiran vokasional secara sepenuh masa dan separuh masa. Anda akan dilatih oleh tenaga pengajar yang berpengalaman.

5

Mari sertai kursus kemahiran komputer dalam talian anjuran Akademi Setia. Anda boleh belajar sendiri dan dibimbing tutor yang sedia membantu 24 jam dalam talian. Kandungan kursus boleh didapati dalam pelbagai bahasa utama seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

6

Kedai Roti Bagus mencari pelatih baharu untuk menjadi tukang roti di bakeri kami. Calon yang terpilih akan diberi latihan khusus. Elaun bulanan juga akan disediakan. Pelajar lepasan sekolah digalakkan memohon.

7

Kolej Prisma akan menganjurkan kursus mingguan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) bermula Jun 2026. Jangan lepaskan peluang ini untuk mempertingkatkan komunikasi anda dengan insan-insan istimewa.

8

Anda mahu belajar menguruskan kewangan anda dengan lebih efektif? Ikuti kursus asas pengurusan kewangan peribadi anjuran Institut Nilam bulan Ogos ini. Pelajari strategi pengurusan aliran tunai dan kewangan berhemah dengan tenaga pengajar berpengalaman. Jangan lepaskan peluang keemasan ini!

[Jumlah: 5]





6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Walaupun baru berusia sepuluh tahun, usia bukan menjadi penghalang kepada Jamal untuk menyertai aktiviti mendaki tembok.

Content removed due to copyright restrictions.

Ibu bapa juga akan berasa bangga dengan perkembangan peribadi anak mereka,” katanya.



(a) Apakah yang tidak menghalang Jamal untuk menyertai aktiviti mendaki tembok?

..... [1]

(b) Di manakah Jamal mula mendaki tembok?

..... [1]

(c) Berapa kerapkah Jamal membuat latihan pendakian?

..... [1]

(d) Mengapakah Jamal hanya bertanding dengan orang yang lebih tua?

.....
..... [1]

(e) Apakah kemahiran yang Jamal sudah capai dalam sukan pendakian tembok?

..... [1]

(f) Nyatakan **dua** sifat positif Jamal dalam aktiviti pendakian tembok ini.

1 [1]

2 [2]

(g) Bagaimanakah prestasi akademik Jamal di sekolah?

..... [1]

(h) Apakah impian Shahir untuk anaknya dalam bidang sukan?

..... [1]

(i) Apakah impak aktiviti sukan kepada kanak-kanak yang menyertainya? Beri **dua** jawapan.

1 [1]

2 [2]

[Jumlah: 11]





Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.

